



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**LAKUAN BAHASA MENGENAI PERISTIWA BANJIR DALAM  
KALANGAN MASYARAKAT DI KELANTAN, MALAYSIA**

**ASWADI MOHAMAD**

**FBMK 2019 50**



**LAKUAN BAHASA MENGENAI PERISTIWA BANJIR DALAM  
KALANGAN MASYARAKAT DI KELANTAN, MALAYSIA**

**Oleh**

**ASWADI BIN MOHAMAD**

**Tesis ini dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sastera**

**Ogos 2018**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## Dedikasi

Ku persembahkan ini sebagai tanda ingatan dan penghargaan kepada Allah S.W.T yang telah memberi rahmat, pertolongan, kekuatan, kesihatan, ketabahan dan kesabaran ke atas ku dalam mengharungi liku-liku hidup yang penuh dengan ranjau dan onak yang berduri.

Dedikasi ku kepada:

Ayah dan ibuku,

Mohamad bin Awang dan Ruhini binti Mat Hassan.

Serta isteri tersayang,

Nor Hidayah binti Mohamed,

Ucapan terima kasih yang hanya mampu dilafazkan kepada mu,

atas segunung kasih dan selautan cinta,

atas kesudian menjadi teman, sahabat, cikgu, dan segalanya buat ku,

terima kasih atas seluruh budi mu, seluruh keringat mu,

seluruh jasa mu yang menjadi perisa dalam hidup ku.

Akan ku kenang sehingga akhir hayat ku.

Terima kasih! Ayah dan ibu yang aku sayangi.

Juga untuk guru yang tidak jemu mendidik ku,

yang tidak pernah lelah melayani kerenah aku,

yang tidak pernah mengeluh menabur bakti kepada ku,

yang sentiasa menyemai benih-benih ilmu kepada ku,

yang selalu menyiram bunga-bunga bangsa kepada ku.

Agar menjadi manusia yang berguna kepada keluarga, bangsa dan negara

Terima kasih Cikgu!

Tidak lupa buat sahabat-sahabat yang tidak jemu memberikan nasihat dan tunjuk ajar,

dan orang perseorangan yang membantu secara langsung mahupun tidak langsung,

serta mereka yang sentiasa menemani di kala suka dan duka,

gelak tawa dan kenalan kalian,

akan sentiasa tersemat dalam ingatan buat selamanya.

Terima kasih!

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera.

**LAKUAN BAHASA MENGENAI PERISTIWA BANJIR DALAM KALANGAN MASYARAKAT DI KELANTAN, MALAYSIA**

Oleh

**ASWADI BIN MOHAMAD**

**Ogos 2018**

Pengerusi : **Prof Madya Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**  
Fakulti : **Bahasa Moden dan Komunikasi**

Lakuan bahasa merupakan satu bentuk pertuturan yang dihasilkan untuk membentuk tindakan dan berlainan daripada ayat serta tidak dapat dikaitkan dengan tahap nahu yang lain. Selain itu, lakuan bahasa hanya wujud dalam satu situasi komunikasi lazimnya yang terdapat dalam perbualan atau wacana. Bidang analisis perbualan atau analisis wacana dipilih sebagai focus kajian untuk menentukan keberkesanan penggunaan lakuan bahasa dalam analisis perbualan yang mempunyai fungsi komunikasi secara langsung atau tidak langsung antara penutur dengan pendengar. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan berpandukan Teori Lakuan Bahasa (TLB) yang di asaskan oleh Searle (1969). Kaedah temu bual, rakaman dan pemerhatian digunakan untuk meneliti transkripsi video dalam kajian. Kajian ini berfokus kepada dua objektif utama, iaitu menganalisis jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan dan merumuskan jenis dan struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Data kajian diperolehi daripada penganalisisan lima buah video berkaitan dengan banjir di Manik Urai Kelantan iaitu yang bertajuk *Tenggelamnya SMK Manik Urai#pascabanjir*, video yang kedua bertajuk *Salah seorang mangsa banjir di Kg Pahi, Kuala Krai*, dan yang ketiga bertajuk *Mangsa Terakhir di Kg Manik Urai#pascabanjir#pray4pantaitimur*, video keempat yang bertajuk *Majalah 3- Edisi Khas Banjir di Kelantan 2014-2015* dan video kelima yang bertajuk *Tangisan di Manik Urai*.

Abstract of thesis presented to Senate of University Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Arts.

**SPEECH ACT RELATED TO FLOOD ISSUES AMONG THE KELANTANESE COMMUNITY, MALAYSIA**

By

**ASWADI BIN MOHAMAD**

**August 2018**

Chairman : **Prof. Madya Zaitul Azma Zainon Namzah, PhD**  
Faculty : **Modern Language and Communication**

Speech Act is one type of speech which is made to form act. Speech act and sentences were differs, so that the Speech Act can't relate to any level of grammar. Besides that, in order for Speech Act to exist, situation of communication is pre-requisite, frequently in conversation or discourse. Conversational analysis and discourse analysis were choose as center of this study to figure out the effectiveness of using Speech Act in analysis conversation content direct communication or indirect communication between the speakers and the listeners. This field research is done based on the Speech Act Theory by Searle (1969). Interview, recording and observation were used to study the video's transcription in this research. This research have two objectives, to analyze the type of Speech Act among the Kelantanese community about flood issue, and to formulate the structure of Speech Act related to flood issue among the rural Kelantanese community. The data was collected by analyzing five videos of flood in Manik Urai Kelantan, with the title *Tenggelamnya SMK Manik Urai #pascabanjir; Salah Seorang Mangsa Banjir di Kg Pahi, Kuala Krai, Mangsa Terakhir di Kg Manik Urai #pascabanjir #pray4pantaitimur; Majalah 3- Edisi Khas Banjir di Kelantan 2014-2015 and Tangisan di Manik Urai.*

## PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya saya dapat menyiapkan tesis ini bagi memenuhi keperluan untuk memperoleh ijazah M.A. Bahasa Melayu. Alhamdulillah dan bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya maka tesis ini dapat disiapkan dengan sempurna. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Zaitul Azma Zainon Hamzah (selaku pengerusi) dan Dr. Hajah Nor Azuwan Yaakob (selaku AJK Tesis) yang telah banyak melapangkan masa untuk memberi tunjuk ajar dan teguran dalam membantu saya menyiapkan penyelidikan projek ilmiah ini sehingga lengkap. Hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya. Paling penting terima kasih buat ayah, ibu, abang dan adik-adik serta isteri tersayang yang banyak memberi galakan, dorongan, dan pengorbanan tidak terhingga kepada saya. Penyelidik juga ingin merakamkan terima kasih kepada semua pensyarah dan kakitangan sokongan, dan rakan seperjuangan Program Master Sastera (Bahasa Melayu) yang banyak membantu, rakan-rakan kolej dan semua yang sentiasa bersama ketika suka dan duka, sentiasa memberi kata semangat dan memberi bantuan dan pandangan sepanjang saya menjayakan penyelidikan ini. Sokongan anda telah membawa kepada penghasilan projek ini. Jasa dan budimu akan aku kenang hingga akhir hayat.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera. Ahli Jawatankuasa Penyelidikan adalah seperti berikut:

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Professor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Hajah Nor Azuwan Yaakob, PhD**

Pensyarah Kanan  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- Tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- Tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- Hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- Tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbangi dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Aswadi Bin Mohamad, GS42476

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan ini adalah di bawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi:

Jawatankuasa

Penyeliaan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli :

Jawatankuasa

Penyeliaan

## SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	<b>i</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>ii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iii</b>
<b>PENGESAHAN</b>	<b>iv</b>
<b>PERAKUAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xi</b>

### BAB

<b>1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	4
	Objektif Kajian	5
	Persoalan Kajian	5
	Kepentingan Kajian	5
	Batasan Kajian	6
	Definisi Operasional	7
	Kesimpulan	8
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>9</b>
	Pengenalan	9
	Kajian berkaitan Lakuan Pertuturan Sepintas	9
	Lalu	
	Kajian berkaitan Lakuan Pertuturan	12
	Kajian tentang Banjir	17
	Kesimpulan	18
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>19</b>
	Reka Bentuk Kajian	19
	Konsep Teori	19
	Kerangka Konseptual	23
	Kaedah Kajian	24
	Bahan kajian	24
	Rasional Pemilihan bahan Kajian	25
	Prosedur Kajian	26
	Kajian Rintis	27
	Kajian Sebenar	27
	Pengumpulan Data	28
	Penganalisan Data	28

Pertimbangan Etika	29
Kesimpulan	29
<b>4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>30</b>
Pengenalan	30
Persembahan Data	30
Menenal pasti jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.	30
Merumuskan jenis dan struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.	39
Rasional Teori dan Dapatan Kajian	47
Implikasi Dapatan Kajian	48
Kesimpulan	48
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>50</b>
Rumusan	50
Cadangan Kajian Selanjutnya	51
Penutup	52
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>53</b>
<b>LAMPIRAN</b>	<b>58</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>71</b>

## SENARAI RAJAH

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
3.1:	Kerangka Konsep	41
4.1:	Jenis Lakuan Bahasa berdasarkan Teori Searle (1969)	54



## SENARAI SINGKATAN

A	Lakuan Komisif
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
CD	Cakera Digital
D	Lakuan Reprerentatif
E	Lakuan Ekspresif
GIRN	Government Integrated Radio Network
ICU	Intensive Care Unit
K	Lakuan Deklaratif
LB	Lakuan Bahasa
NGO	Non-Governmental Organization
R	Lakuan Direktif
SPSS	Statistical package for The Social Sciences for Windows
TLB	Teori Lakuan Bahasa

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### **Pengenalan**

Bab ini akan merangkumi penerangan secara lebih terperinci berkenaan penyelidikan yang dilakukan oleh penyelidik, iaitu perbincangan yang berkaitan tentang latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, pernyataan masalah, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasional. Tambahan lagi, kajian ini turut memberi keterangan berkaitan dengan batasan kajian, organisasi kajian dan kesimpulan kajian ini. Diharapkan semoga bab ini dapat memberikan pengetahuan yang lebih jelas kepada pembaca berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

#### **Latar Belakang Kajian**

Lakuan bahasa (LB) (seterusnya dalam tesis ini akan berpegang dengan Kempson, 1991) merupakan proses peralihan dan pertukaran maklumat oleh manusia melalui adaptasi dari dan ke dalam sesuatu sistem manusia dan persekitarannya. Menurut Faridah Ibrahim, Tika Nuraeni, Fauziah Ahmad, Chang Peng Kee & Normah Mustaffa (2012) proses peralihan dan pertukaran itu dilakukan melalui simbol-simbol bahasa verbal mahupun bukan verbal yang dapat difahami bersama. Sebenarnya ada dua bentuk simbol bahasa iaitu verbal dan bukan verbal. Manusia memiliki pemikiran, perbuatan, dan perasaan yang diluahkan dan ditunjukkan melalui kata-kata verbal. Apabila diluahkan melalui bahasa gambar ianya disebut sebagai visual, sementara itu, apabila ditulis ianya disebut sebagai verbal visual dan apabila kata-kata diucapkan maka ianya disebut verbal vokal.

Menurut Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Nurul Huda Mohd Saad (2010) menyatakan bahawa bagi memastikan proses ujaran terjadi dan khalayak memahami maksud maklumat dan di buat dalam bentuk tanda (bahasa atau perkataan). Maklumat yang di buat akan membuat orang lain mencipta makna untuk dirinya sendiri yang berhubung kait dengan beberapa makna yang dibuat dalam mesej. Penggunaan sistem tanda yang sering digunakan akan menyebabkan khalayak menjadi lebih jelas terhadap makna sistem tanda tersebut sehingga keseluruhan khalayak dapat menerima makna sistem tanda tersebut. Oleh itu, semiotik boleh didefinisikan sebagai ilmu tentang tanda-tanda atau simbol. Ianya boleh berfungsi sebagai penyampaian sesuatu mesej atau informasi secara visual yang memaparkan suatu gambar, tanda atau simbol yang dapat ditafsirkan dengan mudah dan sama oleh semua orang sebagai penerima mesej atau maklumat tersebut.

Konsep dan pemikiran pengguna adalah mempunyai hubung kait dengan bahasa kerana digunakan dalam sistem simbol. Konsep dan pemikiran bertindak sebagai kandungan bahasa dan bahasa adalah wahana fikiran yang bertindak daripada konsep dan

pemikiran bahasa digunakan untuk menyampaikan konsep, membuat pernyataan, dan juga bertindak sebagai alat komunikasi antara penutur dengan pendengar. Tambahan lagi, sebagai sistem komunikasi, bahasa dapat diklasifikasi mengikut dua cara penggunaan yang berbeza. Pertama, bahasa boleh digunakan bagi membuat pernyataan seperti menggambarkan bentuk-bentuk hubungan dalam dunia dan dikenali sebagai bahasa deskriptif. Dalam ujaran yang berbentuk deskriptif makna yang dinilai secara semantik, iaitu bahasa difahami melalui komponen makna yang ada dalam kata.

Menurut Wahyu Wibowo (2011), menyatakan bahawa ujaran terbahagi kepada dua jenis iaitu ujaran konstatif (pernyataan) sebagai lawan kepada ujaran performatif (deklaratif). Ujaran konstatif merupakan ujaran yang tidak membuat tindakan dan dapat diketahui salah atau benar sesuatu ujaran yang dituturkan. Menurut Austin (1962), ujaran konstatif juga merupakan jenis ujaran yang menggambarkan sesuatu keadaan fakta kerana isinya boleh dirujuk sebagai sesuatu fakta. Manakala, ujaran performatif pula merupakan ucapan yang berimplikasi dengan tindakan pengucap walaupun sukar untuk menentukan salah atau benar sesuatu ujaran yang diucapkan. Dengan perkataan lain, ujaran performatif tidak dapat ditentukan kebenarannya berdasarkan kepada faktanya sahaja kerana ujaran ini lebih berhubung dengan perbuatan atau perilaku si penutur. Dengan suatu ujaran performatif seseorang tidak hanya memaklumkan sesuatu perkara, tetapi melakukan perbuatan sebagaimana yang diujarkannya.

Menurut Idis Aman (2011) menyatakan bahawa lakuan bahasa adalah berdasarkan daya ujaran (*force of utterance*) yang merupakan lakuan tutur atau (*speech acts*). Lakuan bahasa merupakan peluahan sesuatu sikap. Oleh itu, jenis sikap yang diluahkan adalah sejajar dengan jenis ujaran yang diujarkan. Contohnya, pernyataan iaitu luahan kepercayaan, permintaan ialah luahan keinginan, dan kemaafan ialah luahan kekesalan. Berjayanya sesuatu daya ujaran yang diluahkan adalah apabila audiens memahami niat atau sikap penutur. Selain itu daya ujaran mempunyai beratus-ratus jenis. Searle (1981) memberitahu bahawa kategorikannya dibahagi kepada lima yang utama, iaitu arahan (*directive*), peluahan (*expressive*), komisif (*commissive*), pengisytiharan (*declarative*), dan representatif (*representative*). Sementara itu, mengikut Bach dan Harnish (1979) pula mengkategorikan daya ujaran kepada empat kategori utama, iaitu komisif (*commissive*), konstatif (*constative*), arahan (*directive*), dan penghargaan (*acknowledgement*). Setiap kategori mempunyai pecahan atau subkategorinya. Sebagai contohnya, komisif boleh berupa jaminan, jemputan, tawaran, janji, sumpah, persetujuan, ikrar, kesukarelaan, dan sebagainya. Arahan pula boleh berupa pertanyaan, pujukan, pemaafan, tunjukan, nasihat, perintah, permintaan, kehendak, cadangan, usulan, gesaan, amaran, peleraian, helahan, dan sebagainya. Manakala konstatif boleh berupa penegasan, pemakluman, ramalan, pelaporan, pernyataan, perbincangan, pengumuman, jawapan, dakwaan, pengelasan, pengesahan, penafian, persetujuan, penarafan, dan sebagainya. Penghargaan pula boleh berupa pemaafan, tahniah, takziah, ucap selamat, berterima kasih, penerimaan, dan sebagainya.

Jenis lakuan bahasa merupakan gerak laku yang dilakukan oleh penutur untuk menyatakan sesuatu dalam menyampaikan maklumat yang melibatkan lisan dan bukan lisan. Lakuan bahasa adalah unit asas dalam mengujarkan sesuatu perkara ataupun berkomunikasi. Ahmad Mahmood (1998) menyatakan bahawa semua komunikasi linguistik melibatkan lakuan bahasa. Unit komunikasi tersebut sebenarnya bukanlah



seperti yang difahami secara umum sebagai lambang, kata atau ayat tetapi lebih kepada pengeluaran atau penerbitan lambang, kata atau ayat dalam persembahan sesuatu lakuan bahasa.

Menurut Huang (2007), lakuan bahasa pernyataan atau *representatives/assertives* (R) merupakan jenis lakuan bahasa yang membawa nilai-benar terhadap ungkapan yang dipertanggungjawabkan bagi penutur dengan kebenaran untuk proposisi yang diungkapkan. Lakuan bahasa ekspresif atau *expressives* (E) adalah lakuan yang digunakan bagi menyampaikan keadaan psikologi atau perasaan penutur dan merupakan pernyataan rasa komplek, sedih, gembira, duka dan seronok. Kategori lakuan bahasa arahan atau *direktives* (A) pula digunakan dalam menyatakan harapan dan keinginan penutur supaya pendengar membuat sesuatu tindakan. Kategori seperti nasihat, perintah, soalan, cadangan dan permintaan termasuk dalam tema harapan dan keinginan penutur. Lakuan bahasa perjanjian atau *commisives* (K) merupakan tindakan atau gerak laku membuat janji, mengamanahkan seseorang dengan sesuatu termasuk juga mengumumkan atau mengisytiharkan, menikahkan atau sebagainya. Lakuan bahasa perisytiharan atau *declarations* (D) merupakan lakuan niat pengucapan dengan golongan tersebut tercapai apabila lakuan yang telah dilakukan dapat mengakibatkan wujudnya kesejajaran antara kandungan proposisi dengan realiti atau kesejajaran antara kandungan proposisi dengan situasi. Hal ini demikian kerana perkara yang berkaitan dengan maksud lakuan niat pengucapan adalah akibat atau kesan lakuan pengucapan tersebut kepada aksi, pemikiran, keyakinan dan sebagainya kepada pendengar.

Bach dan Harnish (1979) menyatakan bahawa LB terbahagi kepada empat kategori, iaitu arahan (*directives*), perjanjian (*commisives*), pengumuman (*constatives*), dan pengakuan (*acknowledgements*). LB arahan merupakan LB yang dituturkan atau tindakan oleh pengucap agar pendengar melakukan sesuatu. Seterunya, LB pengumuman merujuk kepada kehendak atau pengetahuan, kepercayaan dan niat pengucap agar pendengar yang menerima mesej yang dituturkan dapat mempunyai pengetahuan atau memahami dan mempunyai kepercayaan yang sama. Manakala, LB pengakuan ialah LB yang mengungkapkan perasaan pengucap terhadap pendengar agar ujaran tersebut dapat memenuhi satu jangkaan sosial yang diharapkan. LB perjanjian ialah kepercayaan serta niat pengucap bahawa sesuatu ujaran itu mewujudkan tanggungjawab untuk pengucap melakukan sesuatu (apabila wujud syarat tertentu).

Banjir merupakan satu fenomena alam yang kerap kali berlaku dalam bentuk bencana dan membawa risiko yang tinggi kepada penduduk yang terlibat, (Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Norasyikin Miskam, 2011). Kekerapan banjir yang berlaku dewasa ini telah mencetuskan satu suasana yang tidak tenteram dalam kalangan penduduk yang berisiko, kerana banjir boleh berlaku bila-bila masa sahaja dan liputannya semakin meningkat semenjak tahun 1970-an hingga kini. Anggaran purata jumlah hujan tahunan yang diterima bagi Semenanjung Malaysia sekitar 2,500 mm (Jabatan Kaji cuaca Malaysia, 2011) telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara yang terbanyak menerima curahan hujan setiap tahun. Manakala di Asia, statistik bencana alam pula menunjukkan bahawa semenjak tahun 1992 hingga tahun 2002 kejadian bencana alam termasuk bencana banjir telah menjejaskan kehidupan sejumlah 1.7 juta manusia dan telah meragut sebanyak 420,867 nyawa. Ianya juga turut

melibatkan kerugian terhadap harta benda sebanyak AS 369,362 juta dolar (Utusan Malaysia, 2008).

Selain itu, menurut Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, 2007 menyatakan bahawa banjir merupakan keadaan di mana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisytiharkan banjir oleh pihak berkuasa. Bencana banjir bukan salah satu bencana semulajadi yang asing berlaku di Malaysia. Tambahan lagi, kini bencana alam bukanlah satu kejadian yang asing yang berlaku di dalam dunia yang serba moden ini (Bryant dan Boman, 2000). Hal ini demikian kerana bencana yang berlaku pada tahu 2004 yang telah mengorbankan hampir 100 000 nyawa dan menyebabkan banyak kehilangan tempat tinggal. Seterusnya menurut Gittelman (2004) banjir merupakan bencana alam yang ketiga terbesar dan telah banyak mengorbankan dan merosakkan harta benda.

Sehubungan dengan itu, bencana alam ini adalah berkait rapat dengan musim tengkujuh. Secaranya kebiasaannya, banjir adalah fenomena yang tidak boleh dielakkan. Fenomena bencana sebegini kebiasaannya mempunyai kadar kematian yang tinggi di negara kurang membangun berbanding negara yang maju (Bryant dan Boman, 2000). Walaupun telah banyak usaha yang telah dijalankan untuk mengurangkan kadar kematian akibat bencana alam yang berlaku. Pembesaran sungai dan pengurangan pencemaran adalah merupakan langkah pencegahan yang boleh dilakukan untuk mengelakkan bencana banjir ini.

Namun begitu, banjir juga merupakan bencana semulajadi yang boleh memberikan kesan yang negatif kepada mangsanya. Hal ini demikian dapat dilihat dari segi psikologikal, kewangan dan kesihatan (Bryant dan Boman, 2000). Walupun amaran telah dikeluarkan, kesan banjir tersebut adalah sangat besar. Antaranya adalah seperti keruntuhan bangunan, rumah, keruntuhan hubungan sosial, kehilangan pekerjaan dan pendapatan (Wiesaeth, 1995).

### **Pernyataan Masalah**

Menurut Soenjono Dardjowidjojo (2005) menyatakan bahawa, kajian yang masih lagi baru untuk dikaji ialah melibatkan ilmu pengetahuan, kajian dan penyelidikan mengenai bagaimana manusia mempersepsi ujaran. Namun, Willis (1829) dan Helmholtz (1859) telah mendalami kajian berkaitan dengan ciri-ciri fizikal bunyi, penyelidikan mengenai bagaimana kita mempersepsi ujaran yang bermula apabila berlakunya Perang Dunia II (Gleason dan Ratner 1998: 109). Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub (2010) menyatakan bahawa ahli linguistik khususnya pakar pragmatik telah banyak melakukan kajian terhadap jenis-jenis lakuan bahasa ini. Namun demikian, tujuan kajian tersebut tidak menjurus kepada sudut jenis-jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat luar bandar di Kelantan tetapi lebih khusus kepada jenis sikap yang diluahkan. Oleh itu, bertitik tolak daripada kajian lepas, kajian ini ingin melihat dari sudut jenis-jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan penduduk di Kelantan.

Menurut Seow Ta Wee & Roslin Binti Ariffin (2011), menyatakan bahawa kerugian dalam bentuk harta benda seperti keruntuhan rumah di tepi sungai dan boleh meragut nyawa penduduk setempat adalah berpunca daripada masalah pembinaan struktur kawalan hakisan dan banjir yang tidak terancang dan efektif terutama di tepi Sungai Kelantan. Selain itu, punca berlakunya hakisan tanah dan pemendapan di muara Sungai Kelantan adalah disebabkan oleh pembangunan tanpa kawalan, banjir akibat faktor semulajadi dan aktiviti-aktiviti pengorekan pasir di Sungai Kelantan. Manakala menurut Mohd Ekhwan & Haryati (2007), menyatakan bahawa alternatif bagi mengurangkan hakisan tebing sungai adalah melalui pembinaan struktur kawalan di tebing sungai. Sementara itu, melalui pembinaan struktur kawalan hakisan oleh pihak JPS telah berjaya mengawal hakisan tebing sungai yang berlaku di Sungai Lendu. Namun demikian, tujuan kajian tersebut tidak menjurus kepada struktur lakuan bahasa berkaitan dengan isu banjir dalam kalangan masyarakat luar Bandar di Kelantan tetapi lebih khusus kepada struktur binaan bagi kawalan hakisan dan banjir yang berlaku serta pendapat penduduk tempatan berkenaan dengan struktur yang dibina di kawasan mereka tinggal. Oleh itu, bertitik tolak daripada kajian lepas, kajian ini ingin melihat dari sudut struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

### **Objektif Kajian**

Untuk menjawab persoalan yang dikemukakan, penyelidik menetapkan dua objektif utama, iaitu:

1. Mengetahui jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.
2. Merumuskan jenis dan struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini menimbulkan banyak persoalan. Antaranya,

1. Apakah jenis lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan?
2. Apakah jenis dan struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan?

### **Kepentingan Kajian**

Kepentingan dijalankan kajian ini adalah untuk pihak kementerian, masyarakat dan penyelidik tentang luahan dalam ujaran masyarakat luar bandar terhadap isu banjir di Kelantan.

- i) Kepentingan kepada Kementerian

Kajian ini dijalankan untuk memberi peluang kepada pihak kementerian seperti Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Alam Sekitar dan lain-lain kementerian untuk sama-sama dalam membantu mangsa banjir. Seterusnya, kajian ini juga dapat membantu pihak kementerian bagi mengetahui dengan lebih jelas apa-apa yang diperkatakan dan disuarakan oleh mangsa banjir untuk mereka meneruskan kehidupan yang mencabar pada masa akan datang.

ii) Kepentingan kepada Masyarakat

Kajian penting kepada masyarakat Malaysia dengan sama-sama merasai dan mengetahui dengan jelas tentang apa-apa yang ingin disuarakan dan diperkatakan oleh masyarakat yang dilanda oleh bencana banjir. Selain itu, dengan adanya kajian ini masyarakat juga dapat membantu mangsa banjir dengan menghulurkan bantuan sama ada dari segi mental, fizikal dan material.

iii) Kepentingan Kepada Penyelidik

Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti tanggapan masyarakat terhadap banjir di Kelantan. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui jenis lakuan bahasa terhadap mangsa banjir di Kelantan yang boleh memberi kesan kepada komunikasi oleh mangsa banjir tersebut. Selain itu, kajian ini juga dilakukan bagi melihat struktur lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan.

### **Batasan Kajian**

Kajian ilmiah ini akan memberikan tumpuan kepada lakuan bahasa yang terdapat dalam video yang berkaitan dengan peristiwa banjir di Manik Urai, Kelantan dalam lima buah video yang di masukkan dalam *Youtube* yang bertajuk *Salah seorang Mangsa Banjir di Kg. Pahi, Kuala Krai, Tangisan di Manik Urai, Tenggelamnya SMK Manik Urai, # Pacsabanjir dan Mangsa Terakhir di Kg Manik Urai. # pascabanjir# pray4pantaitimur serta Tangisan di Manik Urai*. Perkara yang akan dibincangkan meliputi dua aspek bahasa, iaitu jenis lakuan bahasa dan struktur bahasa yang terdapat dalam lima buah video tersebut. Jenis lakuan bahasa yang difokuskan dalam kajian ini ialah jenis pernyataan, arahan, komisif, ekspresif dan perisytiharan (Searle, 1981).

Selain itu, analisis struktur lakuan bahasa berfokus kepada struktur pertanyaan, jawapan, perluasan, penerangan dan permintaan. Penyelidik akan menggunakan Teori Lakuan Pertuturan yang dipelopori oleh Searle (1969) untuk memberi penerangan dan penjelasan yang lebih terperinci terhadap penyelidikan yang dijalankan.

Pemilihan lima buah video tersebut adalah bersesuaian dengan objektif kajian yang ingin melihat penggunaan LB dalam video tersebut dan akan dianalisis untuk mendapatkan data yang mencukupi. Berdasarkan pengamatan penyelidik, dalam video tersebut menggunakan jenis dan struktur lakuan bahasa dalam luahan ujaran yang berbeza.

## **Definisi Operasional**

### **Lakuan Bahasa**

Lakuan bahasa merupakan suatu pertuturan atau ujaran seharian yang membawa maksud yang tertentu mengikut situasi tertentu. Selain itu, lakuan bahasa juga menghasilkan bentuk bahasa yang mempunyai tindakan dan berlainan daripada ayat serta tidak boleh dikaitkan dengan tahap nahu yang lain. Terdapat pelbagai jenis lakuan bahasa antaranya seperti lakuan bahasa permohonan maaf, pujian, sapaan, permintaan, dan ungkapan penolakan. Contohnya seperti ayat berikut, “*eh, bola ni aku punya*”.

Selain itu, ungkapan juga merupakan lakuan bahasa atau ujaran dalam bentuk kata, frasa, klausa atau ayat yang dikenal pasti oleh responden. Selain itu, komunikasi (ujaran) lisan boleh mengukuhkan sesuatu maklumat yang disampaikan apabila seseorang itu ingin menegaskan sesuatu perkara. Melalui ujaran lisan, maklumat dapat disalurkan secara terus atau spontan kepada khalayak.

Komunikasi atau pertuturan yang mudah difahami adalah satu kemahiran yang memang dituntut oleh Islam dan diteladani sendiri oleh para nabi. Hal ini kerana percakapan yang sukar difahami akan menimbulkan tafsiran yang menyimpang daripada maksud sebenar. Oleh itu, penggunaan bahasa yang mudah lagi tepat sangat diperlukan semasa berkomunikasi sambil mengelakkan penggunaan istilah yang sukar dan jarang digunakan.

Sementara itu, ujaran dalam erti kata yang mudah ialah mesej yang tersirat yang disampaikan oleh penutur dalam perbualan. Mesej yang diperoleh merupakan apa-apa yang dideduksikan daripada apa-apa yang diperkatakan. Manakala, lakuan bahasa bermaksud ujaran atau pertuturan seharian yang memberikan makna tertentu mengikut konteks tertentu. Hal ini demikian kerana lakuan bahasa merupakan bentuk bahasa yang dihasilkan untuk membentuk tindakan dan berlainan daripada ayat serta tidak dapat dikaitkan dengan tahap nahu yang lain. Lakuan bahasa ini terdiri daripada pelbagai jenis, contohnya lakuan bahasa sapaan, permintaan, permohonan maaf, pujian dan ungkapan penolakan.

### **Banjir**

Bencana banjir bukan salah satu fenomena semulajadi yang asing berlaku Malaysia. Banjir adalah merupakan keadaan dimana air telah naik melebihi paras bahaya dan diisytiharkan banjir oleh pihak berkuasa Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Banjir juga adalah satu fenomena alam semulajadi yang pernah berlaku hampir meliputi kebanyakan negara di seluruh dunia termasuklah di Malaysia.

Selain itu, banjir adalah satu bencana alam yang berlaku disebabkan oleh faktor klimatologi atau faktor iklim seperti keadaan suhu, taburan hujan, sejatan, pergerakan



angin dan keadaan semulajadi muka bumi. Seterusnya, banjir berlaku disebabkan sama ada oleh hujan yang berterusan mengakibatkan kuantiti yang lebih besar daripada biasa atau air sungai yang melimpah ke tebing sungai ataupun kedua-duanya sekali.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan bab ini, kajian ini telah mengenal pasti bahawa lakuan bahasa mengenai peristiwa banjir dalam kalangan masyarakat di Kelantan adalah satu fenomena yang memberikan gambaran sebenar situasi semasa berada dalam peristiwa banjir. Jelaslah, terbukti bahawa sesuatu ujaran yang diujarkan oleh masyarakat dapat dilihat melalui percakapan dan pergerakan badan serta pergerakan mata mereka. Sedangkan kita sedar bahawa peristiwa banjir ini akan memberikan banyak kemungkinan yang akan berlaku sama ada baik ataupun sebaliknya. Hal ini demikian kerana, kejadian banjir yang dialami oleh masyarakat di Kelantan khasnya akan menyebabkan pelbagai LB oleh masyarakat terhadap banjir di Kelantan. Oleh hal demikian, secara kesimpulannya, LB merupakan satu ujaran yang menggambarkan perbuatan yang dilakukan oleh seseorang penutur. Ianya juga mampu memberi gambaran yang sama dalam perlakuan yang berbeza. Seseorang penutur boleh mengujarkan sesuatu perkara yang diikuti dengan perbuatan yang meneguhkan lagi ujaran tersebut. Misalnya, seorang guru mengucapkan syabas kepada pelajarinya dengan ujaran syabas dan disertakan tindakan guru itu menepuk bahu pelajarinya. Seterusnya, penghuraian yang lebih jelas akan dijelaskan dan dihuraikan dalam bab yang seterusnya.

## Bibliografi

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2008). *Panduan Pengucapan Awam*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2001). "*Santun Komunikasi*", Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (2003). *Tatabahasa Bahasa Melayu, Morfologi dan Sintaksis untuk Guru dan Pelajar Pahang Darul Makmur*: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan dan Aion Mohd. (2004). *Komunikasi di Tempat Kerja*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan (2007). *Linguistik Am, Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Adenan Ayob dan Abdullah Yosof. (2010). *Psikolinguistik*. Perak: Emeritus Publications.
- Ahmad Mahmud Musanif. (2000). *Konsep Pertanyaan Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan Melayu* dlm. Dewan Bahasa.44 (12) 1318-329, 2000.
- Ahmad Mahmud Musanif. (1998). '*Tanya Jawab dalam Novel Salina: Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan*'. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Aion Mohd dan Abdullah Hassan. (2010). *Teori dan Teknik Terjemahan*: Edisi Kemas Kini. Selangor Darul Ehsan: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Amat Juhari Moain. (1989). *System Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Juhari dan Noor Zila Md. Yusuf. (2012). *Pengajaran Tatabahasa Melayu di IPG*. Selangor Darul Ehsan: PTS Akademik.
- Amir Juhari. (2015). '*Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat Pengurusan*'. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Putra Malaysia.
- Aoyama, Katsura. (2002). "*Request Strategies at a Japanese Workplace*". Kertas Kerja yang dibentangkan di The Third College Wide Confrence in Language Teaching & Curriculum Centre, University of Hawaii, Manoa.
- Arbak Othman. (1984). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Asmah Hj. Omar. (1987). *Malay in its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan, Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir Edisi Kelima*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J.L. (1962). *How To Do Things With Word*. Clavendor Press. Oxford.
- Bach, K dan Harnish, R.M. (1979). *Linguistic Communication and Speech Deviance dalam R.W. Griffins, A, O'Leary-Kelly, 7 J.M Collins (Eds), Dysfunctional behavior in organazations; Violent and deviant behavior*. Stamford, CT: JAJ Press.
- Blakemore. D (1992). *Understanding Uttererance*. Blackwell Publishers. Oxford.
- Brown, E. J.& Goodman, R. (2005). *Childhood traumatic grief: An exploration of the construct in Childhood bereaved on September 11*, Journal of Clinical Child and Adolescent Psychology, 34, 248-259.
- Darwis Harahap. (2005). *Pembicaraan Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Ibrahim, Tika Nuraeni, Fauziah Ahmad, Chang Peng Kee & Normah Mustaffa. (2012). *Bahasa Komunikasi Verbal Dan Pengantaraan Produk: Satu Analisis Semiotik*. Jurnal Bahasa, Volume 12(1), January 2012. GEMA Online Journal of Language Studies.
- Idris Aman. (2008). *Kata Bantu Akan: Aspek Nahu Praktis Bahasa Melayu( Sunting oleh Zaharani Ahmad)*. Pp. 201-102 Selangor Darul Ehsan: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman. (2011). *Mengurus Wacana Dan Kepimpinan: Analisis Ucapan Sulung Perdana Menteri Malaysia Keenam*. Jurnal Bahasa, Volume 11. No. 2. GEMA Online Journal of Language Studies.
- Inderawati Zahid dan Mardian Shah Omar. (2006). *Fonetik dan Fonologi, Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn. Bhd.
- Haryati Shafii, Sharifah Meryam Shareh Musa & Norasyikin Miskam (2011). "*Kajian Kesanggupan Pemilik Rumah Untuk Mendapatkan Perlindungan Daripada Bencana Banjir*". Persidangan Kebangsaan Masyarakat, Ruang dan Alam Sekitar, 2011.
- Hassall. T. (1999). *'Request strategies in Indonesian', Pragmatics*, vol. 9, no. 4, pp. 586-606.
- Hassal. T. (2003). "*Request by Australian Learners of Indonesia*" dlm. Pragmatics 35, 1903-1928.



- Huang, Y. (2007). *Pragmatics*. Oxford: Oxford University Press.
- Hybels, S. & Weaver, II., R. L. (1992) *Communicating effectively. (3rd ed.)* New York: McGraw Hill.
- Jabatan Pengairan dan Saliran. (2000). <https://www.water.gov.my>. Tarikh akses: 23 Mac 2015
- Jabatan Kajicuaa Malaysia. (2011). [www.JabatanKajicuaaMalaysia.com.gov.my](http://www.JabatanKajicuaaMalaysia.com.gov.my). Tarikh akses: 23 Mac 2015.
- Marlyna Maros, Aslinda John & Mohd Baharim Mydin. (2010). *Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi: Satu Kajian Sosiopragmatik*. Volume 10 (2), GEMA Online Journal of Language Studies.
- Marlyna Maros. (2011). *Strategi Kesantunan Melayu dalam Membuat Teguran*. Dlm. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu, Jilid 3*, 7-20. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marlyna Maros & Mohd Baharim Mayidim. (2014). *Jenis dan Fungsi Sapaan serta Persepsi Kesantunan dalam Interaksi di Kaunter Pertanyaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Maslida Yusof & Karim Harun. (2015). *Analisis Lakuan Tutur dalam Ruangan Status Facebook*. Dlm. *Jurnal Komunikasi Jilid 31 (2)*: 151-168. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Ekhwan Hj. Toriman dan Haryati Che' Lah. (2007). *Ciri Hidrologi Dan Hakisan Tebing Sungai Di Sungai Lendu, Alor Gajah Melaka*. Dlm. *Jurnal e-Bangi Volume 2, Number 2*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Jali, Mohd Razani and Sakdan, Mohd Fo'ad and Hj. Ahmad, Siti Aznor (2010) *Kajian impak banjir ke atas komuniti: Kajian kes di negeri Kedah*. In: International Seminar, Economic Regional Development, Law and Governance in Malaysia and Indonesia, 7-9 June 2010, Universitas Islam Riau Indonesia. Universitas Islam Riau Indonesia, Pekanbaru, Riau, pp. 1-11. ISBN 9789832078425
- Mohd. Majid Konting. (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nasariah Mansor, Faizah Ahmad & Yusniza Yaakub (2010). *Kesantunan Bahasa Dalam Kalangan Pelajar IPT: Satu Kajian Perbandingan Etnik*. Seminar on National Resilience.
- Nik Safiah Karim. (1993). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Nik Safiah Karim. (2013). *Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Hashimah Jalaluddin, Zaharani Ahmad & Nurul Huda Mohd Saad. (2010). *Perluasan Makna Imbuhan BeR-: Analisis Semantik Kognitif*. GEMA Online Journal Of Language Studies 10(1), 103-123
- Nur Hafiza Ishak. (2008). *Musibah Banjir: Pengalaman dan Reaksi Emosi Kanak-kanak Mangsa Banjir*. Dlm Tesis Ijazah Sarjana Universiti Malaysia Sarawak.
- Ruth M. Kempson. (1991). *Teori Semantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ruth Ong Lok Tik. (2005). *Analisis Lakuan Komunikatif Pemandu Pelancong Semasa Bertugas*. Dlm. Jurnal Dewan Bahasa, 5(4), 109-46.
- Saville-Troike, M. (1989). *The ethnography of communication: An introduction*. Oxford: Blackwell Ltd.
- Schiffirin. D. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford: Blackwell.
- Scott,A.D., Erica, J.B., & Rudolph, L.M. (2013). *Towards automated personality identification*. [http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling\\_wcpr13.pdf](http://clic.cimec.unitn.it/fabio/wcpr13/appling_wcpr13.pdf). (diakses pada 5 Januari 2015).
- Searle. J. R.(1962). *Meaning and Speech Acts*. London: Duke University Press.
- Searle. J. R. (1969). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge University Press. London.
- Seow Ta Wee & Roslin Binti Ariffin. (2011). *Kajian Terhadap Struktur Bagi Mengawal Hakisan Dan Banjir Di Tepi Sungai Kelantan*. Fakulti Pengurusan Teknologi, Perniagaan dan Keusahawanan.Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2007). *Psikolinguistik*. PTS Profesional Kuala Lumpur: Publishing Sdn. Bhd.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2010). *Pragmatik Linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Hajar Abdul Aziz. (2011). *Bahasa Melayu 1 Edisi Kedua*. Selangor Darul Ehsan: Oxford Pelajar Sdn. Bhd.
- Syed Arabi Idid , (1992) *Specifying a target population: the case of the Malaysian public relations practitioners*. Jurnal Komunikasi ; Malaysian Journal of Communication , 8 , pp. 131-140. ISSN 0128-1496
- Utusan Melayu. (2006). Kumpulan Utusan Malaysia Berhad. Kuala Lumpur. Tarikh akses 23 Mac 2015.
- Utusan Malaysia. (2008). Kumpulan Utusan Malaysia Berhad. Kuala Lumpur. Tarikh akses 23 Mac 2015.

- Van Peurseem, K.A Locke, J.L dan Harnisch, N.P. (2001). *Audit Standard Analysis: An Illocutionary Perspective on the New Zealand going Interdisciplinary Research in Accounting Conference*. Adelaide.
- Wahyu Wibowo. (2011) *Cara Cerdas Menulis Artikel Ilmiah*. Penerbit Buku Kompas. Indonesia.
- Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab. (2006). *Konsep pertanyaan dalam sesi kaunseling : satu analisis pragmatic*.
- Wan Robiah Meor Osman dan Hamidah Abdul Wahab. (2010). *Penggunaan Bahasa dlm. Sesi Kaunseling di Sudut Lakuan Bahasa dlm. Jurnal Bahasa 54-72*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Wiesaeth, L. (1995). *Preventative psychosocial interventions after a disaster*. In S. E. Hobfoll & M. W. deVries (Eds), *Extreme stress and communities*. (pp.401-419). Boston: Kluwer Academic Publisher.
- Zulkfley Hamid. (2000). *BAHASA: Konsep, Fungsi, dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

## BIODATA PELAJAR



Aswadi bin Mohamad merupakan anak jati Kelantan Darul Naim. Beliau merupakan graduan Bacelor Sastera (Bahasa dan Lingustik Melayu) dari Universiti Putra Malaysia. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Chetok dan setelah lulus dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), beliau telah menyambung pengajiannya di Sekolah Menengah Kebangsaan Chetok sehingga lulus dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) pada tahun 2010. Selain itu, pengajian master beliau dalam bidang Bahasa Melayu telah ditaja sepenuhnya oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan telah ditawarkan biasiswa *Graduate Reseach Fellowship* (GRF) oleh Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor selama satu tahun. Sepanjang pengajian di peringkat master, beliau telah menerbitkan satu naskhah jurnal di Social Science and Humanities Journal (SSHJ) iaitu pada tahun 2018. Di samping itu, beliau telah terlibat sebagai sukarelawan dalam Ujian Komunikasi Bahasa Melayu (UKoM) pada tahun 2016.



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PENGESAHAN STATUS UNTUK TESIS/LAPORAN PROJEK DAN HAKCIPTA**

**SESI AKADEMIK :** Semester Pertama 2017/2018

**TAJUK TESIS/LAPORAN PROJEK :**

LAKUAN BAHASA MENGENAI PERISTIWA BANJIR DALAM KALANGAN MASYARAKAT  
DI KELANTAN, MALAYSIA

**NAMA PELAJAR :** ASWADI BIN MOHAMAD

Saya mengaku bahawa hakcipta dan harta intelek tesis/laporan projek ini adalah milik Universiti Putra Malaysia dan bersetuju disimpan di Perpustakaan UPM dengan syarat-syarat berikut :

1. Tesis/laporan projek adalah hak milik Universiti Putra Malaysia.
2. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan akademik sahaja.
3. Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dibenarkan untuk membuat salinan tesis/laporan projek ini sebagai bahan pertukaran Institusi Pengajian Tinggi.

Tesis/laporan projek ini diklasifikasi sebagai :

\*sila tandakan (v )

**SULIT**

(mengandungi maklumat di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

**TERHAD**

(mengandungi maklumat yang dihadkan edaran kepada umum oleh organisasi/institusi di mana penyelidikan telah dijalankan)

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju tesis/laporan projek ini dibenarkan diakses oleh umum dalam bentuk bercetak atau atas talian.

Tesis ini akan dibuat permohonan :

**PATEN**

Embargo \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_  
(tarikh) (tarikh)

**Pengesahan oleh:**

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pelajar)  
No Kad Pengenalan / No Pasport.:

Tarikh :

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pengerusi JawatankuasaPenyeliaan)  
Nama:

Tarikh :

[Nota : Sekiranya tesis/laporan projek ini SULIT atau TERHAD, sila sertakan surat dari organisasi/institusi tersebut yang dinyatakan tempoh masa dan sebab bahan adalah sulit atau terhad.]